

28/09/2001

23 NGO sokong sidang tangani pengganas

Mohd Azis Ngah

KUALA LUMPUR, Khamis - Sebanyak 23 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menyokong saranan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya satu persidangan antarabangsa mengenai keganasan diadakan bagi memberi takrif sebenar pengganas.

NGO berkenaan sependapat dengan Perdana Menteri bahawa bukan semua pengganas membabitkan orang Islam, seperti yang digambarkan Barat.

Perkara itu dinyatakan NGO berkenaan dalam memorandum kepada Presiden George W Bush yang dihantar menerusi Kedutaan Amerika Syarikat di sini, hari ini.

Dalam memorandum itu, NGO berkenaan menyuarakan pentingnya keamanan global dan membantah tindakan Amerika menggunakan keganasan dalam menentang keganasan sebagai tindak balas terhadap serangan paling buruk di negara itu pada 11 September lalu.

Memorandum itu diserahkan oleh Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), Ahmad Azam Abdul Rahman dan Setiausaha Agungnya, Shahrhan Kasim, kepada Setiausaha Kedua Kedutaan Amerika, Simon Lee.

Kira-kira 60 anggota Abim dan wakil NGO lain menyertai penyerahan memorandum bantahan itu.

Antara NGO yang menandatangani memorandum itu ialah Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Ikatan Siswazah Pahang (Ikatan), Institut Masyarakat Madani (IMAD), Kelab Remaja Islah (JIM), Kesatuan Pelajar Islam Johor (KPIJ), Kesatuan Pelajar Islam Melaka (KPIM), Kesatuan Pelajar Islam Perak (KPIP), Belia Buddhist dan Institut Penyelidikan Sosiologi Malaysia (MSRI).

Kelmarin, Dr Mahathir berkata, dalam suratnya kepada Perdana Menteri Britain, Tony Blair, beliau mencadangkan supaya satu persidangan antarabangsa diadakan bagi merumus langkah bersepadu menangani keganasan termasuk memberi takrif sebenar pengganas.

Perdana Menteri berkata, masyarakat antarabangsa juga perlu mencari punca keganasan sebelum mengambil langkah menanganinya, kerana keganasan tidak terhad kepada orang Islam saja.

Bercakap kepada pemberita selepas menyerahkan memorandum itu, Ahmad Azam turut membidas sikap Barat yang sering mengaitkan keganasan dengan Islam.

Katanya, orang Islam selalu dijadikan momok bagi setiap serangan pengganas, termasuk beberapa pengeboman yang mungkin dilakukan kumpulan yang mempunyai kepentingan tertentu atau sesetengah pengganas Amerika sendiri, seperti Timothy McVeigh.

(END)